



PELITUP MUKA: Wong (ketiga kanan) ketika menyampaikan pelitup muka kepada salah seorang wakil sekolah.

LCCC agih 42,500 helai pelitup muka kepada NGO Cina, sekolah dan media

Oleh Henry Bating

LABUAN: Dewan Perniagaan Cina Labuan (LCCC) mengagihkan 42,500 helai pelitup muka kepada pelbagai badan NGO, sekolah dan media di sini sebagai tanda sokongan kepada kerajaan yang meneruskan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Presiden LCCC Datuk Wong Kee Yii berkata, langkah penjagaan penularan COVID-19 perlu diterus-

kan meskipun bilangan kes sudah menunjukkan penurunan.

“Dalam tempoh PKPP semakin banyak pergerakan orang ramai berikutan kebenaran diberikan kepada banyak lagi sektor untuk memulakan operasi niaga,” katanya.

Dalam pengagihan itu, terdapat tujuh penerima dalam kalangan NGO Cina yang terdiri daripada Persatuan Hainan, Persatuan Teoh Chew, Persatuan Kwong Hui

Zhao, Persatuan An Kwai, Persatuan Hakka dan Persatuan Fu Zhou menerima 2,000 helai pelitup muka.

Manakala sebuah Sekolah Rendah Cina dan sebuah Tadika Cina turut tersenarai sebagai penerima yang melibatkan penyampaian 500 helai pelitup muka.

Turut menerima agihan 1,000 helai pelitup muka ialah 10 tokong, lapan persatuan Cina antara lain Persatuan Bola Keranjang, Kelab Golf dan Kelab Lion.